

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 90/91

Oktober/November 1990

EBS 201/3 Geologi II

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi DUA
(2) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi ENAM (6) soalan semuanya.

Jawab LIMA (5) soalan daripada ENAM soalan berikut.

Semua jawapan mesti dimulakan pada muka surat baru.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan dengan jelas faktor-faktor yang mempengaruhi pemineralan bijih. Gunakan ilustrasi di mana perlu.
(20 markah)
2. Huraikan jenis-jenis tekstur pemendapan bijih yang umum.
(20 markah)
3. Bandingkan mendapan kuprum porfir dengan mendapan molibdenum porfir. Tumpukan perbincangan anda kepada persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua mendapan tersebut.
(20 markah)
4. Pilih dua daripada mendapan berikut dan bincangkan dengan terperinci aspek-aspek yang berkaitan dengan pemineralan dan kejadian jasad bijih.
 - [a] mendapan plaser bijih timah
 - [b] skarn
 - [c] evaporit
 - [d] bijih besi
 - [e] mendapan supergen
(20 markah)
5. Jika anda ditugaskan mencarigali sesuatu bijih, kriteria apakah yang akan anda gunakan untuk memudahkan anda memilih kawasan yang berpotensi mengandungi bijih? Beri ilustrasi jika perlu.
(20 markah)
6. Tulis nota ringkas perkara-perkara berikut:-
 - [a] Faktor pemekatan
 - [b] Mendapan stratiform
 - [c] Mendapan stratabound
 - [d] Epigenesis
 - [e] Singenesis
(20 markah)